

# KAWALAN PERUBAHAN

Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- 1** Pengubahsuaian yang melibatkan perkakasan, sistem untuk pemprosesan maklumat, perisian, dan prosedur mestilah mendapat kebenaran daripada pegawai atasan atau pemilik aset ICT terlebih dahulu.
- 2** Aktiviti-aktiviti seperti memasang, menyelenggara, menghapus dan mengemaskini mana-mana komponen sistem ICT hendaklah dikendalikan oleh pihak atau pegawai yang diberi kuasa dan mempunyai pengetahuan atau terlibat secara langsung dengan aset ICT berkenaan.
- 3** Semua aktiviti pengubahsuaian komponen sistem ICT hendaklah mematuhi spesifikasi perubahan yang telah ditetapkan.
- 4** Semua aktiviti perubahan atau pengubahsuaian hendaklah direkod menggunakan borang kawalan perubahan dan dikawal bagi mengelakkan berlakunya ralat sama ada secara sengaja atau pun tidak.

Sumber : DKICT 4.1 MPKlang

